

**SOALAN NO. 305**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LOKE SIEW FOOK  
[ SEREMBAN ]**

**SOALAN :**

**YB Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai terperinci semua projek dan peruntukan yang disalurkan kepada kawasan Parlimen Seremban melalui peruntukan khas kawasan Parlimen di bawah Jabatan Perdana Menteri serta senarai penerimanya untuk tahun 2014.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2014, Kerajaan telah meluluskan Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri untuk dilaksanakan di kawasan Parlimen Seremban berjumlah RM1.68 juta untuk membiayai 159 program/projek.

Kelulusan peruntukan ini adalah bagi pelaksanaan:

- (i) projek-projek fizikal seperti jalan, longkang, balai raya, membaiki rumah, masjid/surau dan rumah ibadat bukan Islam yang diserahkan setelah siap kepada pihak pengurusan/jawatankuasa kemudahan terbabit untuk diselenggara dan diuruskan; dan
- (ii) sumbangan bagi menjayakan sebahagai aktiviti dan program sosial kemasyarakatan serta keagamaan yang disalurkan antaranya kepada persatuan/pertubuhan belia, jawatankuasa masjid/surau dan rumah ibadat bukan Islam, universiti dan sekolah, kelab sukan dan kebajikan, NGO, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), persatuan bekas pelajar, persatuan penduduk, jabatan/agensi Kerajaan serta penerima individu yang terdiri daripada Orang Kurang Upaya, mangsa kebakaran dan bencana alam, pembiayaan pembedahan dan sebagainya.

Sekian. Terima kasih.